

Parlimen: Sesi Perbincangan Menambah Baik Akta Perkahwinan Dan Perceraian Akan Diadakan Bernama 29 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Dewan Rakyat diberitahu hari ini bahawa satu sesi pertemuan dengan pihak berkepentingan akan diadakan bagi mendapatkan cadangan penambahbaikan kepada Akta Perkahwinan dan Perceraian 1976 bagi memberi perlindungan kepada kanak-kanak daripada segi pemberian nafkah.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Heng Seai Kie berkata kementerian akan berunding dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) memandangkan bidang kuasa berhubung Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 adalah di bawah JPN.

Selain itu, ketika menjawab soalan Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam) beliau berkata kementerian berpandangan bahawa penguatkuasaan nafkah kepada isteri atau bekas isteri dan anak-anak boleh dilaksanakan melalui Akta Perempuan Bersuami dan Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968.

"Ini kerana Akta ini telah memberikan kuasa kepada Mahkamah di bawah Seksyen 4, Akta ini untuk membuat perintah tahanan pendapatan suami bagi maksud pembayaran nafkah kepada isteri dan anak-anak.

"Akta ini telah diguna pakai di mahkamah-mahkamah di Semenanjung Malaysia, termasuk Mahkamah Syariah."

Chong ingin tahu mengenai pindaan Akta Perkahwinan dan Perceraian yang akan dibuat.

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655710>